

Melaka ada terumbu karang tercantik dunia

Liana Sahabudin

TELOK MAS - Tiga pulau di perairan Taman Laut Melaka disahkan kaya dengan spesies 'coral' atau terumbu karang tercantik di dunia.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, terumbu karang itu terletak di perairan Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol yang juga telah diwartakan sebagai Taman Laut Melaka.

"Paling penting apa muah dikongsikan adalah kita sudah buat kajian yang mana terumbu karang di Taman laut Negeri Melaka ini adalah antara tercantik di dunia.

"Jika sebelum ini pengunjung datang Melakahanya melawat bangunan bersejarah, kini destinasi mereka boleh bertukar ke arah pelancongan di pulau-pulau dengan melakukan aktiviti rekreasi air.

"Justeru kali ini kita membuat pelepasan sebanyak 30 ekor ikan hiasan seperti ikan dori ke laut sebagai galakan dan penyeri kepada taman laut ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pelancaran Voluntourism: Melaka Nature Epic Challenge (MNEC24) Sempena Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM2024) di Taman Laut Melaka, Pulau Undan, 6 Januari lalu.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jaba-

tan Perikanan negeri, Nawar Abd Karim; Pengurus Besar Bahagian Pelancongan Melaka (BPP), Sa'ari Basiron serta Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Pulau-Pulau Melaka (MPPPM), Azhar Yaacob.

Dalam pada itu, Dr. Muhamad Akmal berkata, bermula Mei sehingga Disember tahun lalu, seramai 1,600 pelancong direkodkan mengunjungi ketiga-tiga pulau berkenaan.

"Sebagai permulaan, ini adalah satu jumlah yang memberangsangkan, Insya-Allah selepas ini lebih ramai pelancong yang akan datang ke Melaka sepanjang TMM2024.

"Pelancong yang ingin mencuba aktiviti air ini mereka dikenakan bayaran RM49 seorang bagi aktiviti 'island hopping', RM59 seorang untuk snorkeling, manakala bagi kedua-dua aktiviti ini hanya RM890 untuk setiap bot (termasuk pakej menaiki bot ke pulau)," katanya.

Tambah beliau, orang ramai juga dipelawa untuk mempromosi keindahan Taman Laut Melaka di media sosial masing-masing untuk memenangi hadiah lumayan setiap bulan menerusi program Melaka Nature Epic Challenge 2024 (MNE2024).

Menurutnya, terdapat tiga kategori hadiah ditawarkan kepada pemenang iaitu bau-car pembelian peralatan sukan dan rekreasi bernilai RM500, RM300 dan RM200.



DR. Muhamad Akmal bergambar bersama selepas menyempurnakan gimik pelepasan ikan karang di Pulau Undan. Foto: Taman Laut Melaka

Tingkat capaian internet di Paya Lebar